

25 JUL 2003

JETRO-PKS/I

JETRO & JACTIM AKAN HANTAR ROMBONGAN PERNIAGAAN KE M'SIA

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO) akan menghantar rombongan perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari Jepun ke Malaysia daripada 27 hingga 30 Julai ini.

Rombongan itu yang akan diketuai oleh Osamu Watanabe, pengerusi dan CEO Jetro, juga dianjurkan bersama oleh Dewan Perdagangan dan Industri Jepun di Malaysia (JACTIM).

Rombongan perniagaan bersama JETRO-JACTIM (JJ) disertai 47 syarikat dan organisasi yang mensasar untuk mengembangkan perniagaan menerusi pelaburan, kerjasama teknologi dan eksport serta import bahan-bahan komponen dan bahan mentah, kata Jetro dalam satu kenyataan hari ini.

Jetro berkata kedua-dua organisasi itu menganjurkan bersama rombongan perdagangan tersebut sebagai maklum balas kepada cadangan Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta bantuan Jepun dalam menggalak dan mengukuhkan industri sokongan Malaysia.

Sepanjang lawatannya, Watanabe juga akan mengunjungi Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Selasa.

Rombongan perniagaan JJ itu adalah susulan daripada kejayaan pejabat Jetro di Kuala Lumpur mengatur pertemuan 41 firma utama pembuatan Jepun dengan PKS Malaysia di sesi Padanan Perniagaan SMIDEX 2003 di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, baru-baru ini.

Pameran Perkongsian Malaysia-Jepun JETRO KL yang diadakan itu adalah berasaskan kepada konsep di mana pembeli akan mempamerkan bahagian-bahagian atau komponen yang mereka mahu dapatkan.

Ia diadakan seiringan dengan SMIDEX 2003, pameran tahunan yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Sepanjang pameran tiga hari itu, 92 mesyuarat perniagaan telah diatur antara pengeluar Jepun dan PKS Malaysia, kata pengarah urusan JETRO Kuala Lumpur, Hiroo Suzuki.

Perbincangan susulan dan lawatan ke syarikat masing-masing dijangka dilaksanakan selepas pameran itu.

"Inilah yang kami mahu dan daripada situ mereka akan mengadakan rundingan masing-masing. Kami akan memantau situasi ini," kata Suzuki.

Beliau juga menegaskan bahawa matlamat pameran itu adalah untuk meningkatkan perniagaan antara syarikat Jepun dan pembekal Malaysia bagi terus bersaing dalam dunia globalisasi terutama dengan kemunculan ekonomi China.

Antara syarikat yang menyertai Pameran Perkongsian Malaysia-Jepun itu adalah Matsushita, Sony, Hitachi, JVC, Canon, Sharp, Toyota, Kayaba, Honda dan TDK. -- BERNAMA

SHY SHY ZK